

# Masalah bahasa tidak halang graduan Korea raih CGPA 3.92

um 24.11.2015 26

**KOTA KINABALU 23 Nov.** – Masalah bahasa memang menyukarkan Haku Josh Kim Tae Hoo, 46, dari Korea untuk memahami penyampaian kuliah di Universiti Malaysia Sabah (UMS), namun halangan itu berjaya diatasi dengan sikap suka bertanya.

Sistem pengajian di UMS yang menggunakan bahasa Malaysia membuatkan Haku Josh terpaksa banyak bertanya kepada pensyarah apabila sesi pembelajaran berlangsung.

Katanya, akibat banyak bertanya dia berasakan seolah-olah mengganggu proses pembelajaran yang berlangsung dan membuatkan pelajar lain jengkel dengan perbuatannya itu.

"Saya berasakan telah menyebabkan pelajar lain berasa jengkel dengan tindakan saya yang suka bertanya dan seolah-olah mengganggu tumpuan pelajar lain yang sedang khusuk mendengar kuliah pensyarah.

"Sudahlah tua, banyak pula bertanya soalan kepada pensyarah," katanya sambil berjenaka tentang pengalamannya sepanjang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dalam bidang Seni Visual.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Meskipun berhadapan dengan kesukaran dalam aspek bahasa sepanjang pengajian, Haku Josh masih mampu memperoleh kejayaan cemerlang apabila mencatat keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.92.

Mengulas lanjut, katanya, dia sangat bertuah kerana sentiasa mendapat bantuan dan pertongan sepenuhnya daripada rakan-rakan seperjuangan terutama apabila menyiapkan tugas yang diberikan.

Ditanya kenapa memilih UMS sebagai destinasi pengajian, Haku Josh berkata, pada mulanya dia ke UMS untuk mengajar muzik, namun dicadangkan oleh seorang pensyarah untuk menyambung pengajian dalam bidang seni visual.

Katanya, selain mahu menyahut cadangan pensyarah tersebut, dia juga mengakui sangat meminati bidang seni termasuk menghasilkan lagu buat penyanyi Korea.



HAKU JOSH KIM TAE HOO



LIM HAN CHIET menunjukkan ijazah yang diperolehnya kepada bapanya, Lim Kin Pui (kanan) dan ibunya, Mar Ngeok Har (kiri) selepas Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-17, di Kota Kinabalu, semalam.